

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

"Ini bukan slogan kosong," kata Dr M

"DR. M: 3 AMALAN BERSAMA," kata sebuah kepala besar muka hadapan Berita Harian April 14, 1982. (Mengetal perkara yang sama, Utusan Melayu pula memaparkan kepala besar di muka hadapannya yang berbunyi: "Bersih, Cekap dan Amanah, amalan tiap rakyat — Mahathir").

Berita berikutan seperti yang tersiar di Berita Harian berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru segenap lapisan masyarakat mengisi slogan Kerajaan — Bersih, Cekap dan Amanah — dengan mempraktikkan ketiga sikap tersebut dalam kehidupan sehari-hari.

Perdana Menteri yang membuat lawatan ke Kota Kinabalu berkata, usaha Kerajaan membina pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah tidak terhad kepada kakitangan Kerajaan sahaja, malah melibatkan semua rakyat.

Setiap rakyat mesti bersikap bersih, mencari kecekapan dan mempunyai amanah, katanya ketika membuka Taman Perumahan Bersatu, sebuah projek Jaya Usaha Bersatu Sendirian Berhad.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, slogan Kerajaan tersebut bukannya satu slogan yang kosong tetapi perlu diisi dengan perbuatan yang secekok dengan semangat slogan itu.

Menghuraikan bagaimana rakyat boleh mengisi maksud slogan tersebut, beliau berkata, rakyat hendaklah sentiasa bersih dalam segala aspek dan soal itu tidak harus dibebankan kepada bahu Kerajaan.

Penduduk-penduduk Taman Perumahan seharusnya hendaklah menjaga bersih kawasan-kawasan mereka kerana kerajaan juga berhasrat hendak menjadikan Malaysia sebuah negara yang bukan sahaja stabil, tetapi cantik.

Bellau juga menyeru rakyat supaya rajin bekerja untuk memperolehi kecekapan, kerana dengan adanya kecekapan negara boleh berdirai.

Komen Penulis:

Maklul sekali apa yang diperkatakan oleh Dr. M tadi, kerana sesebuah masyarakat tidak boleh dikatakan benar-benar bersih, cekap dan amanah jika hanya kakitangan Kerajaan sahaja berkeadaan bersih, cekap dan amanah.



Sebagai ilustrasi, bolehkah satu-satu masyarakat dikatakan "bersih", jika rakyat atau sebahagian darinya berada dalam keadaan kotor ataupun menyalahguna kemudahan atau subsidi yang diberi oleh Kerajaan, dengan ampamanya, menjual baja, benih atau anak-anak ayam yang dibekalkan secara percuma kepada mereka?

Dan setelah kakitangan Kerajaan berkeadaan bersih, yakni tidak korap, tidak menipu dan tidak menyalahguna kuasa, satu-satu masyarakat itu belum jua boleh dianggap bersih — jika pemimpin-pemimpin politiknya masih berperangal curang dan tidak amanah. Dalam bahasa lain, bagaimanakah kakitangan Kerajaan dan rakyat boleh diharapkan supaya berjiwa bersih, jika (seperti di setengah-setengah negara asing) masih terdapat di kalangan ketua-ketua politik mereka, yakni "political masters," orang-orang yang "kurang bersih", iaitu yang mengangap perbuatan rasuah, penipuan dan pecah amanah sebagai perkara kecil atau "small matter" sahaja!

Ataupun yang mengangap bahawa pemimpin-pemimpin politik TIDAK tertakluk kepada undang-undang atau peraturan yang sama dengan kakitangan Kerajaan, dalam konteks korupsi dan penyalahgunaan kuasa dan kedudukan.

No. Siri	2599
No. Penerimaan	344/25